

3 JAN 1996

Alatas - Sipadan

UNTUTAN BERTINDIH LIGITAN DAN SIPADAN DIBINCANG DIAM-DIAM

Oleh: Khairdzir Yunus

JAKARTA, 3 Jan (Bernama) -- Indonesia dan Malaysia masih meneruskan perundingan secara diam-diam bagi menyelesaikan isu tuntutan bertindih Pulau Sipadan dan Ligitan, kata Menteri Luar Ali Alatas.

Beliau berkata kedua-dua negara masing-masing diwakili seorang menteri dalam perundingan itu tetapi bukan menteri luar.

"Bagaimanapun, sampai sekarang ia belum mencapai kemajuan," katanya semasa sesi pertanyaan pada majlis taklimat beliau untuk wartawan sempena tahun baru di Kementerian Luar di sini hari ini.

Beliau tidak menamakan kedua-dua menteri itu. Katanya kedua-dua mereka telah dipersetujui oleh Presiden Suharto dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mewakili mereka.

Alatas berkata bahawa perundingan itu tidak diadakan di peringkat menteri luar supaya ia dapat berjalan secara tidak formal.

"Nanti, apabila ada kesepakatan, akan dikembalikan kepada menteri luar untuk dibincangkan secara formal," kata beliau.

Beliau berharap pada tahun 1996 ini, perbincangan secara diam-diam itu akan mencapai kemajuan.

Alatas berkata perundingan secara diam-diam itu dipersetujui kedua-dua negara setelah perundingan di peringkat teknikal dan undang-undang yang diadakan sebelumnya tidak membawa kepada penyelesaian.

Katanya, ini kerana kedua-dua belah pihak memiliki sejumlah dokumen dan hujah perundangan bagi mengesahkan tuntutan masing-masing tetapi tidak dapat saling meyakinkan tentang status pemilikan kedua-dua pulau itu.

Berikutan itu, kata beliau, perkara itu boleh sahaja diajukan kepada pihak ketiga, Mahkamah Antarabangsa (ICJ) seperti yang pernah diusulkan oleh Malaysia, tetapi Indonesia berpendapat ia lebih baik diselesaikan secara dua hala di peringkat politik terlebih dahulu sebelum dibawa ke pihak ketiga.

"Kalau tidak berhasil barulah dibawa ke pihak ketiga, itupun Indonesia lebih suka kita menggunakan mekanisme Asean," katanya. -- BERNAMA